

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK

Penyata Pendedahan Produk (PDS) ini direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Pelaburan Dwi Mata Wang anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya**. Pastikan anda juga membaca Pengesahan Awal (yang menetapkan terma komersial penting) dan Terma dan Syarat (yang mengawal terma kontraktual) berkenaan dengan Pelaburan Dwi Mata Wang.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan: OCBC Bank (Malaysia) Berhad (199401009721 (295400-W)) ("Bank")

1. Ketahui Pelaburan Dwi Mata Wang anda

Pelaburan Dwi Mata Wang ("DCI" atau "Pelaburan") ialah Pelaburan Berstruktur berkaitan Pertukaran Mata Wang Asing. Pelaburan ini terdiri daripada 2 ciri penting. Pertama ialah penempatan Amaun Prinsipal sebagai pelaburan dalam mata wang asal Pelaburan ("Mata Wang Asas") dan kedua, pembayaran oleh Bank Amaun Prinsipal dan faedah ke atas Pelaburan pada Tarikh Matang, sama ada dalam Mata Wang Asas atau dalam Mata Wang Alternatif pada Kadar Laksana yang telah dipersetujui terdahulu. Sebagai balasan memberi Bank hak untuk membayar balik Amaun Prinsipal dan faedah sama ada dalam Mata Wang Asas atau dalam Mata Wang Alternatif, pelabur berpotensi memperoleh faedah yang ditingkatkan lebih tinggi daripada deposit masa semasa (Mata Wang Asas) dengan tempoh yang setanding. Pulangan sebenar Pelaburan anda bergantung pada butiran yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal. DCI TIDAK dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

Amaun Prinsipal Minimum	RM 50,000 atau bersamaan dengannya dalam mata wang asing Nota: Pelabur mesti memenuhi kriteria Individu Bernilai Bersih Tinggi seperti yang dinyatakan dalam garis panduan yang berkaitan seperti yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan (CMSA) 2007.
Tempoh Pelaburan	Boleh disesuaikan, sehingga 6 bulan
Dijamin Prinsipal	Tidak Dijamin
Kadar Faedah Ditingkatkan	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Kekerapan Pembayaran Faedah	Sekali, pada tarikh matang
Pengiraan Perolehan Faedah	Kadar Faedah Ditingkatkan x Amaun Prinsipal x Bilangan Hari dibahagikan dengan Kiraan Hari
Mata Wang Rujukan	Mata Wang Rujukan yang diluluskan oleh Bank Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Kebolehdagangan	Tidak
Bayaran pada Tarikh Matang	Pembayaran Amaun Prinsipal ditambah amaun faedah pada Tarikh Matang boleh sama ada dalam Mata Wang Asas atau Mata Wang Alternatif, bergantung pada keputusan penetapan kadar spot Mata Wang Rujukan pada atau kira-kira jam 2 petang waktu Kuala Lumpur pada Tarikh Tamat Tempoh.
Mata Wang Asas	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Mata Wang Alternatif	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Kadar Laksana	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Tarikh Tamat Tempoh	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal
Tarikh Matang	Seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal

2. Ketahui Kos Anda

Tiada yuran atau caj untuk memasuki Pelaburan. Sekiranya berlaku pengeluaran pramatang, tiada yuran urus niaga atau caj untuk pengeluaran pramatang selain daripada kos pelepasan.
Sila hubungi Pengurus Perhubungan atau Perunding Kewangan Peribadi anda untuk kos pembukaan dan penyelenggaraan akaun yang lain.

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Pelaburan, sila rujuk laman web kami
<https://www.ocbc.com.my/personal-banking/wealth-management/investments/treasury>

AMARAN

PULANGAN PELABURAN INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN PENDASAR. PEMULIHAN PELABURAN PRINSIPAL ANDA MUNGKIN TERJEJAS JIKA ANDA MEMBUAT PNEBUSAN AWAL. PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Maklumat yang diberikan dalam penyata pendedahan ini adalah sah pada 1 Januari 2026.



Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk atau tahap perkhidmatan kami, anda juga boleh menulis kepada kami di alamat berikut, hubungi Pusat Panggilan kami di **03-8317 5000**, layari laman web kami di www.ocbc.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berdekatan.

Service Transformation Department
OCBC Bank (Malaysia) Berhad
Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur
Emel: myexperience@ocbc.com

Sebagai alternatif, jika anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa mengenai pengendalian aduan kami, Bank Negara Malaysia boleh dihubungi di 1300 885 465; atau di BNMLINK bnm.gov.my/BNMLINK

3. Ketahui Risiko Anda

MANFAAT

Sebagai balasan memberi Bank hak untuk membayar balik Amaun Prinsipal dan faedah sama ada dalam Mata Wang Asas atau dalam Mata Wang Alternatif, pelabur berpotensi memperoleh faedah yang ditingkatkan lebih tinggi daripada deposit masa semasa (Mata Wang Asas) dengan tempoh yang setanding.

Penebusan pada tempoh matang akan dikreditkan ke dalam akaun pelanggan dengan Bank pada Tarikh Matang.

PERINGATAN: Prestasi Masa Lalu tidak menunjukkan prestasi masa hadapan.

RISIKO

Risiko Kredit – Pelabur meletakkan dana dengan Bank dan oleh itu bergantung pada keupayaan Bank untuk membayar sebarang faedah dan Amaun Prinsipal pada tempoh matang.

Risiko Pasaran & Risiko Kecairan – Nilai pasaran Pelaburan ini tertakluk kepada banyak faktor, termasuk, tetapi tidak terhad kepada kadar pertukaran asing, tahap turun naik kadar pertukaran asing dan hala tuju masa hadapan tersirat dan kecairan faktor tersebut.

Risiko Pengeluaran Prematur – Pelabur yang ingin mengeluarkan Pelaburan sebelum Tarikh Matang mungkin menerima amaun yang jauh lebih rendah daripada Amaun Prinsipal bergantung pada keadaan pasaran semasa.

Risiko Opsyen – Pelaburan ini digabungkan daripada banyak instrumen kewangan termasuk opsyen. Oleh itu, faedah/hasil dan/atau mata wang amaun Pelaburan ini yang akan dibayar balik daripada Pelaburan ini akan bergantung pada butiran opsyen seperti yang dinyatakan dalam Pengesahan Awal.

Risiko Mata Wang – Walaupun Pelaburan dibuat dalam Mata Wang Asas, Bank mempunyai hak mutlak untuk membayar pelabur pada Tarikh Matang Pelaburan, amaun dalam Mata Wang Alternatif yang telah dipersetujui terdahulu dan bukannya Amaun Prinsipal dan faedah Pelaburan dalam Mata Wang Asas. Penurunan dalam Mata Wang Alternatif berbanding Mata Wang Asas pastinya akan menyebabkan Bank melaksanakan haknya untuk membayar kepada pelabur Mata Wang Alternatif. Hasilnya ialah pelabur akan mendapat Mata Wang Alternatif yang lebih lemah berbanding Mata Wang Asas dan juga tertakluk kepada turun naik risiko dalam Mata Wang Alternatif yang boleh mengurangkan dengan ketara (bergantung pada penurunan dalam Mata Wang Alternatif) apa yang pelabur sebaliknya ada pada masa pelabur mewujudkan Pelaburannya dengan Bank.

PERINGATAN: Anda harus memahami dan mempertimbangkan semua faktor risiko dengan teliti sebelum membuat keputusan pelaburan.

4. Terma Penting Lain

Anda dinasihatkan untuk membaca Pengesahan Awal dan dokumen lain yang berkaitan untuk penerangan terperinci tentang risiko. Anda juga dinasihatkan untuk mempertimbangkan dengan teliti semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan.

Jika anda ingin keluar dari Pelaburan ini, sila hubungi Pengurus Perhubungan atau Perunding Kewangan Peribadi anda atau kunjungi cawangan OCBC Bank.

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Semua perubahan dalam butiran hubungan hendaklah dimaklumkan kepada Bank secara bertulis dengan mengemukakan Borang Kemas Kini CIF (CIF Update Form) di cawangan tempat akaun anda dibuka.

AMARAN

PULANGAN PELABURAN INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET/RUJUKAN PENDASAR. PEMULIHAN PELABURAN PRINSIPAL ANDA MUNGKIN TERJEJAS JIKA ANDA MEMBUAT PENEBUSAN AWAL. PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA.

Maklumat yang diberikan dalam penyata pendedahan ini adalah sah pada **1 Januari 2026**.

